

GOLONGAN YANG TERCICIR DI SEPANJANG JALAN DAKWAH (USTAZ FATHY YAKAN)

Gejala “ keciciran “ dari jalan dakwah adalah merupakan gejala umum , besar dan berulang-ulang. Ada dikalangan mereka itu meninggalkan dakwah tetapi tidak meninggalka islam. Ada pula meninggalkan kedua-duanya sekali. Dan ada pula yang keluar dari gerakan dakwah dan lantas menyerang nya semula, malah menggabungkan diri dengan musuh islam untuk memusnahkannya.. Keciciran ini banyak memberi akibat buruk kepada perjuangan islam .

Antaranya termasuklah:

- Tersebarnya fitnah serta meracuni gerakan yang membawa kepada keruntuhan dan kerugian bagi Islam dan dakwah.
- Terbuka rahsia-rahsia yang tidak mungkin dibuka sekiranya tidak berlaku fitnah atau jika lidah dan telinga tidak dapat dikuasai oleh syaitan.
- Melemahkan gerakan dan menarik musuh untuk menghancurkannya.
- Menghilangkan kepercayaan orang ramai terhadap gerakan. Jika ini berlaku, segala perancangan dan perjalanan gerakan akan terhenti.

Sebab-sebab keciciran.

1. Sebab yang berhubung dengan gerakan
2. Sebab yang berkaitan dengan individu
3. Sebab luar yang menekan

1. SEBAB YANG BERHUBUNG DENGAN GERAKAN

~ Kelemahan Dari Sudut Tarbiyyah

Rasulullah saw pernah bersabda,

` Aku paling takut berlaku keatas umatku syirik dan keinginan nafsu yang tersembunyi...mereka tidak menyembah matahari, bulan atau patung, tetapi mereka memperlihatkan amalan-amalan mereka dan mempunyai keinginan yang tersembunyi sehingga apabila salah seorang dar mereka berpuasa, kemudian dibantah oleh nafsunya dengan sesuatu keinginan maka dia meninggalkan puasanya itu'

(HR Imam Ahmad)

Satu harakah yang lemah itu hanya mengambil ruang yang kecil untuk tarbiyah berbanding dengan bidang-bidang lain seperti pentadbiran, politik dan sebagainya. Ini selalunya dilihat terutamanya dari perspektif para pemimpin-pemimpin sesebuah harakah. Ini seringkali menimbulkan ketegangan dan kepekaan (sensitive).

Maka dalam situasi ini boleh jadi mereka akan merasa puas hati dengan kedudukan iaitu mencapai tahap pucuk pimpinan tanpa merasakan ada kekurangan dari aspek rohani dan tarbiyyah. Ada yang turut berpendapat mereka telah tidak perlukan tarbiyah dan sudah melalui peringkat tarbiyah. Dan ini sungguh tidak benar sama sekali lalu menyebabkan dia tercicir.

Tarbiyah merupakan aspek penting yang perlu diikuti oleh setiap ahli gerakan dari peringkat qiyadah (pimpinan) sehinggalah jundiyyah (pejuang) dari semasa ke semasa. Ini kerana dalam sesuatu harakah, jika seluruh anggotanya tidak ditarbiyyah maka ini akan menimbulkan kecacatan dalam gerakan itu sendiri.

Tanpa pengecualian seluruh anggota sesebuah harakah mesti mengikuti tarbiyah dan manhaj tarbiyah perlulah sentiasa dikaji dan diperbaharui supaya sesuai dengan keperluan semasa. Harakah hanyalah merupakan suatu wasilah (alat) dan bukan ghayah (matlamat) untuk mencapai kepentingan diri.

~ Tidak Meletakkan Seseorang Di Tempat Yang Sesuai

Perkara ini merupakan satu faktor yang menyebabkan gagalnya tugas dan menyebabkan kerugian kepada para 'amilin (pekerja dakwah). Seharusnya sesebuah jemaah perlulah sedar dan matang dalam menilai keupayaan anggotanya, kecenderungan, kekuatan dan kelemahan ahlinya.

Jikalau proses pemilihan tidak dibuat secara berhati-hati maka kecacatan dalam gerakan akan berlaku. Oleh yang demikian mahu tidak mahu suatu harakah perlu menyusun tenaga ahlinya mengikut pengkhususan masing-masing serta membantu mengembangkan potensi mereka. Yang penting janganlah terburu-buru dan tergesa-gesa dalam memilih kerana ia akhirnya mengundang padah.

Tidak membahagikan kerja kepada anggota

Keciciran turut berlaku apabila kerja-kerja harakah tertumpu kepada sebahagian kecil ahlinya walhal ahli harakah sangat ramai. Ini menyebabkan hubungan di antara ahli –ahli harakah semakin lemah dan kadang-kala malah akhirnya terputus terus hubungan anggota dalam harakah tersebut.

Setiap ahli harakah mempunyai kecenderungan berbeza. Maka dalah menjadi tanggungjawab harakah untuk menggunakan kecenderungan ini untuk kepentingan islam. Setiap ahli harakah perlu bertanggungjawab dan menjadikan diri sebagai anggota yang aktif. Tenaga perlulah disumbangkan tanpa mengetepikan mana-mana individu.

~Tidak Mengambil Berat Hal Ahli

Kadang kala ahli dalam harakah mempunyai masalah yang tersendiri. Kalaulah ada orang-orang dalam harakah membantunya menyelesaikan masalah tersebut, maka ini membuahkan rasa kepercayaan sesama ahli harakah. Tetapi jika berlaku sebaliknya maka boleh jadi individu tersebut meninggalkan harakah malah keluar dari Islam itu sendiri.

Hubungan ataupun ikatan perlulah disatukan dari sudut pemikiran, ruhi, dan perasaan laksana satu tubuh. Setiap anggota harakah perlu ikhlas dalam menjalankan kerja haraki dan memiliki ukhuwah yang mapan supaya segala rintangan, kesusahan dan kepayahan dan carbaran salam dakwah mampu ditempuhi dengan jayanya.

Sabda Rasulullah saw:

Bandingan orang-orang mu'min dalam kasih sayang dan kasihan belas mereka antara satu sama lain samalah seperti satu tubuh yang apabila salah satu anggotanya mengadu sakit maka seluruh anggota yang lain turut berjaga malam dan merasai sakit.

(HR Muslim)

~ Tidak Menyelesaikan Persoalan Dengan Segera

Masalah ini selalu berlaku apabila timbul persoalan-persoalan yang rumit dan mungkin juga persoalan itu kecil namun ia menjadi besar apabila ia menimbulkan permasalahan baru.

Antara sebab kelembapan dalam menyelesaikan masalah adalah seperti berikut:

- Kelemahan pucuk pimpinan yang kurang kemampuan menyelesaikan masalah
- Kelemahan pentadbiran yang membuka ruang untuk memunculkan masalah
- Terlalu luas program sehingga pihak pimpinan tidak mampu memnuhi kerja (amal jamaie) yang berbagai itu.

~ Pertikaian Dalaman

Inilah penyakit harakah yang paling merbahaya sekali yang menjadi faktor kemusnahan harakah. Ia merosakkan hubungan sesama anggota harakah dan boleh menimbulkan pertengkaran sehingga memberhentikan kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan.

Antara sebab-sebab berlakunya pertikaian dalaman ini termasuk:

- Kelemahan pemimpin yang tidak menguasai barisan dan tidak mampu membuat keputusan.
- Campur tangan dari pihak luar yang bertujuan menimbulkan fitnah
- Perebutan kuasa dan jawatan dalam harakah.
- Tidak iltizam dengan dasar harakah, kaedah atau prinsipnya, tidak mahu mengikut keputusan yang dibuat oleh harakah malah mahu menonjolkan diri sendiri.
- Tiada kerja/program sedang orang lain bertungkus lumus menjayakan kerja-kerja harakah.

~ Pimpinan Tidak Layak

Kelemahan pemimpin berlaku atas 2 sebab yakni kurang kemampuan berfikir yang tidak boleh memenuhi kehendak ahli dan kelemahan dalam kebolehan mentadbir. Dalam buku “masalah dakwah dan pendakwah” oleh penulis sendiri, terdapat beberapa sifat yang perlu ada kepada pemimpin iaitu

- Mengenal dakwah
- Mengenal diri
- Mengambil berat tentang ahli
- Teladan yang baik
- Pendangan yang mantap
- Keazaman yang kuat
- Daya tarikan semulajadi
- Penuh keyakinan